

Profesor Hassan yang dihubungi berkata, beliau berasa amat bertuah kerana dipilih oleh University of Cambridge untuk mengikuti pengajian Post Graduate Diploma In Entrepreneurship yang dibiayai sepenuhnya oleh Bahagian Biasiswa KPT.

Peluang yang julung kali diperolehi ini akan digunakan dengan sebaik mungkin untuk memantapkan pengetahuan, kemahiran dan menimba pengalaman daripada pakar-pakar di universiti itu.

Manakala Dr Sahadah pula berkata, peluang keemasan ini akan digunakan untuk menimba pengalaman pembelajaran yang efektif daripada pakar-pakar keusahawanan disana sekaligus mencari peluang untuk mendapatkan sebanyak mungkin ilmu dan pengalaman daripada pembangunan teknologi industri yang pantas dan berdaya saing melalui aktiviti Cambridge Cluster.

"Saya akan menggunakan peluang yang ada untuk mendapatkan pengiktirafan daripada salah satu universiti terbaik di dunia bagi program Pasca Siswazah Keusahawanan, terutama dalam membangunkan program Technopreneurship di Universiti Utara Malaysia, " katanya lagi.

Habis.

UUM ONLINE:

=====

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my